

Analisis Sorotan Kajian: Keterancaman Melayu dalam Era Kolonial

(Literature Review Analysis on Malay Insecurities in the Colonial Era)

Abdul Muqit Muhammad^{1*}, Awang Azman Awang Pawi^{2, Mohammad Tawfik Yaakub^{3}}

¹Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: mugitmuhhammad.am@gmail.com

²Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: awangazman@gmail.com

³Fakulti Perakaunan dan Ekonomi, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: tawfik@um.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Abdul Muqit Muhammad
(mugitmuhhammad.am@gmail.com)

KATA KUNCI:

Sorotan kajian
Keterancaman Melayu
Nasioanalisme Melayu
Hak istimewa orang Melayu
Ketuanan Melayu

KEYWORDS:

Literature review
Malay Insecurities
Malays nationalism
Malays' special rights
Malays dominance

CITATION:

Abdul Muqit Muhammad, Awang Azman Awang Pawi, & Mohammad Tawfik Yaakub. (2022). Analisis Sorotan Kajian: Keterancaman Melayu dalam Era Kolonial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10), e001832.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1832>

Persepsi ancaman atau keterancaman merupakan isu yang sering dibincangkan oleh sarjana-sarjana dalam bidang hubungan antarabangsa namun kurang dibincangkan dalam politik domestik. Berbeza dengan keterancaman yang dirasai oleh orang Melayu, ancaman tersebut dinisbahkan kepada usaha pengukuhan kedudukan mereka sebagai bangsa peribumi di Tanah Melayu (Malaysia). Ancaman itu wujud daripada cubaan-cubaan untuk menggugat konvensyen tradisional misalnya menuntut hak sama rata yang bercanggah dengan status quo. Keterancaman yang tertanam dalam nasioanalisme Melayu telah mengukuhkan lagi psike keterancaman ini. Justeru itu, objektif kajian ini yang pertama adalah untuk mengenal pasti isu-isu keterancaman Melayu ketika era kolonial dan kedua, merumuskan elemen-elemen utama yang membangkitkan keterancaman Melayu serta ketiga, menganalisis kesinambungannya dengan politik kontemporari negara. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif, iaitu dengan kaedah menganalisis kandungan yang diperoleh daripada sumber primer dan sekunder secara deskriptif. Hasil sorotan kajian telah mendapati, terdapat tiga elemen utama yang mendorong keterancaman Melayu iaitu pendekatan politik, konsep kesamarataan serta penggembangan unsur agama. Ketiganya elemen ini telah membentuk persoalan keterancaman yang sama, iaitu pemeliharaan terhadap kedudukan dan kepentingan politik orang Melayu sebagai peribumi yang masih lagi berlangsung sehingga ke hari ini.

ABSTRACT

Threat perceptions or insecurities are issues that have always been discussed by scholars in international relation field but rarely discussed in domestic politics. Unlike insecurities experienced by the Malays, the threats are rationed to the effort to consolidate their position as

indigenous people of Tanah Melayu (Malaysia). The threats exist from trials to challenge the traditional convention such as claiming for equal rights. The insecurities that also embedded in Malays nationalism enhances the psyche of insecurities. Therefore, this research is conducted to identify the insecurities issues among Malays during colonialism era, second, to summarize the main elements of Malay insecurities, and third to analyse the continuos existence of this pschyre in current political scene. The form of the research is qualitative involving descriptive content analysis approach obtained from primary and secondary resources. As a result, there are three main elements that motivate Malays' insecurity which are political approach, the concept of equality and the consolidation of religion. All of these elements indicate that the basis or insecurity are still revolved around the same insecurity question, which is the struggle to preserve and protect the special position of the Malays as indigenous people in this country.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini memetakan semula arus perkembangan psike keterancaman Melayu yang bersusur galur dengan pengalaman sosial dan sejarah lampau orang Melayu dalam era kolonial. Kajian ini memberi sumbangan yang cukup besar dalam memahami psike keterancaman Melayu yang semakin kerap dibincangkan terutamanya pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 yang lalu.

1. Pengenalan

Keterancaman Melayu bukanlah suatu perkara yang asing, bahkan telah tertanam lama dalam budaya politik orang Melayu. Persoalan mengenai isu-isu sensitif yang sering dipersoalkan menguatkan lagi persepsi bahawa kedudukan Melayu sebagai peribumi berada dalam keadaan yang tidak stabil dan terdedah kepada elemen keterancaman ([Wan Norhasniah, 2015](#)). Keterancaman yang berbangkit ini memberi implikasi bersar terhadap tingkah laku politik orang Melayu sekaligus sekaligus membuktikan bahawa psike keterancaman tersebut berupaya mencorak budaya politik orang Melayu. Namun begitu, kajian mengenai keterancaman Melayu khususnya di negara ini masih lagi terbatas dan tidak disusun dengan baik meskipun isu mengenai Melayu terancam ini kerap menjadi polemik di ruang awam seperti di media sosial. Pasca PRU-14, iaitu fasa peralihan kuasa daripada Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH), perbincangan mengenai keterancaman Melayu semakin kerap diutarakan ([Muhammad Takiyuddin, 2020](#)). Hal ini terserlah menerusi beberapa praktik politik PH yang dilihat mengancam politik orang Melayu seperti cubaan untuk meratifikasi *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD) dan Statut Rom ([Kartini & Suraiya, 2020](#)).

Sungguhpun begitu, polemik yang berbangkit mengenai keterancaman Melayu kelihatannya berlaku secara terpencar dan binari, iaitu tidak didirikan atas hujah yang akademik melainkan emosi semata-mata. Bagi sesetengah pihak, mereka menganggap keterancaman Melayu bukanlah satu persepsi, sekali gus menolak adanya faktor-faktor politik dalam membangkitkan sentimen tersebut. Bagi pihak yang lain pula, mereka mendakwa keterancaman Melayu hanyalah satu bentuk ilusi yang dicetuskan oleh propaganda politik semata-mata, tanpa memperhitungkan faktor-faktor sosial Melayu yang mendorong pengukuhan psike tersebut. Bertitik-tolak dari polemik ini, menjadi

usaha kajian ini untuk meluruskan kedua-dua kutub pandangan ini serta menjelaskan hakikat bahawa psike keterancaman Melayu bukanlah lahir sebagai satu fenomena baharu, melainkan satu bentuk kesinambungan dari pengalaman lampau sejarah-sosial orang Melayu.

Justeru itu, kajian ini penting bagi memahami psike politik Melayu yang berkisarkan persoalan keterancaman Melayu. Dengan mendalami psike ini, kefahaman yang konstruktif mengenai elemen-elemen pencetus keterancaman Melayu dapat dibincangkan secara lebih tersusun. Hal ini kerana, isu yang mencetuskan keterancaman Melayu dan aktor-aktor itu mungkin sahaja berbeza mengikut konteks zaman, namun terdapat satu garis persamaan dalam peristiwa-peristiwa tersebut yang membentuk elemen tertentu yang mendorong rasa terancam itu. Oleh hal yang demikian, sorotan kajian ini akan meneliti beberapa kajian yang pernah dijalankan mengenai isu keterancaman Melayu dan merumuskan elemen-elemen umum yang membangkitkan keterancaman Melayu. Hasil dapatan kemudiannya dianalisis bagi meneliti kesinambungannya dalam kerangka politik kontemporari pada hari ini. Kajian ini turut mengambil kira era kolonial sebagai latar masa kajian kerana memiliki dinamika politik yang lebih rencam.

1.1. Definisi dan Konsep Keterancaman

Persepsi ancaman (*threat perception*) atau keterancaman merupakan sebuah konsep yang sering menjadi perbincangan para sarjana dalam bidang hubungan antarabangsa dan psikologi sosial khususnya berkaitan dengan teori konflik. Secara ringkas, ancaman didefinisikan sebagai satu situasi yang berlaku apabila wujud satu individu atau satu kumpulan manusia yang mempunyai kemampuan atau berhasrat untuk mencetuskan kesan negatif kepada satu individu atau satu kumpulan manusia yang lain (Davis, 2000). Bagi Ciovacco (2019), ancaman ialah satu bentuk tindakan untuk mencetuskan bahaya dan wujud secara psikologi dalam individu, agama, budaya, gender atau orientasi seksual. Beland (2007) dalam makalahnya berjudul *Insecurity and Politics: A Framework* merumuskan maksud keterancaman sebagai “*the state of fear or anxiety stemming from a concrete or alleged lack of protection*”. Terdapat beberapa faktor yang boleh mencetuskan persepsi ancaman antara kumpulan (*inter-group*) antaranya ialah ketiadaan identiti sepunya (*shared sense of identity*) dan juga ketidakselarian kuasa (*asymmetries in power*) (Rousseau & Garcia-Retamaro, 2007).

Melanjutkan perbincangan mengenai keterancaman, Furedi (2018) berpandangan bahawa sifat keterancaman turut muncul secara berbeza-beza antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain. Sifat ini dipengaruhi oleh perbezaan budaya, politik, cara beragama, jantina, umur dan latar belakang ekonomi. Disebabkan itu, penting untuk memahami epistemologi keterancaman menerusi konteks sesuatu masyarakat itu sendiri. Dalam konteks politik Melayu di Malaysia misalnya, terdapat dua konsep asas bagi menerangkan psike keterancaman, iaitu pertama, konsep nasionalisme Melayu dan kedua, konsep pelindung Melayu. Dari konteks nasionalisme Melayu, keterancaman Melayu diperlihatkan menerusi ketegasan politik orang Melayu yang sentiasa berhasrat mengukuhkan kedudukan mereka sebagai bangsa peribumi di Tanah Melayu dan agama Islam serta nilai-nilainya (Hooker, 2019). Kesungguhan itu dapat dilihat sejak timbulnya kesedaran berpolitik sehingga terbentuknya Persekutuan Malaysia. Usaha itu juga selari dengan semangat nasionalisme yang sangat erat dengan konsep ‘Kemelayuan’(*Malayness*) yang bermaksud semangat ingin mempertahankan kepentingan orang Melayu sebagai sebuah bangsa (Ahmat Adam, 2014). Pandangan ini

turut disebut oleh [Rustum \(2011\)](#) menerusi sebuah konsep dalam sosiologi yang disebut sebagai penstruktur bertahan (*defensive structuring*) iaitu satu upaya untuk memperkuuh kedudukan diri secara eksklusif bertujuan untuk “membangun dan memelihara identiti budaya dalam keadaan mereka rasakan sebagai ancaman luaran kepada identiti mereka” ([Rustum, 2011](#)).

Selain konsep nasionalisme Melayu, wacana keterancaman Melayu juga tidak dapat dilihat secara terpisah dengan konsep pelindung. Dalam pengamalan budaya politik feudal Melayu, hubungan antara seorang pemerintah (raja) dengan yang diperintah (rakyat) diikat dengan hubungan secara timbal balik, iaitu rakyat akan memberikan sepenuh ketaatan kepada pemerintah sebagai balasan kepada perlindungan yang diberikan oleh raja sebagai ‘pelindung’ utama kepada orang Melayu ([Mazli & Jamaie, 2018](#)). Simbol pelindung ini jelas memberikan satu manifestasi penting dalam budaya politik orang Melayu kerana bukan sahaja memberikan kesan psikologi kepada orang Melayu malahan kesan politik ([Ahmad Fauzi & Muhamad Takiyuddin, 2012](#)). Konteks hubungan yang sama terus kekal meskipun negara sudah mencapai kemerdekaan, manakala institusi beraja yang sebelumnya bersifat raja berkuasa mutlak telah dibatasi kepada sistem Raja Berperlembagaan. Meskipun kuasa Raja-raja Melayu sudah terbatas, peranan institusi beraja sebagai pelindung tidak terlupus sebaliknya beralih kepada peranan pelindung secara simbolik ([Chandra, 1979](#)). Hal ini kerana pengaruh institusi beraja bukan semata-mata atas faktor kedudukan sebaliknya bersifat psikologikal, iaitu turut memberi keselesaan psikologi.

Kedudukan pelindung secara simbolik penting dalam memberikan keselesaan psikologi kepada orang Melayu. Peranan pelindung begitu dititikberatkan dalam mendepani cabaran atau ancaman yang berkait dengan bukan Melayu khususnya sejak 1957, iaitu setelah orang bukan Melayu diberikan hak kewarganegaraan dan berpolitik yang sebelumnya eksklusif kepada orang Melayu sahaja. Pemberian kewarganegaraan dan hak berpolitik kepada bukan Melayu memberi impak terhadap psike keterancaman kepada orang Melayu kerana muncul andaian bahawa bukan Melayu akan mengancam kedudukan istimewa orang Melayu dan mengambil alih pemerintahan negara ([Ramlah, 1998](#)). Disebabkan itu, kedudukan pelindung secara simbolik ini ditakrifkan sebagai tidak boleh dicabar atau dipersoalkan bagi mewujudkan kelegaan sosial kepada orang Melayu ([Chandra, 1979](#)). Kedudukan raja sebagai pelindung secara simbolik terus berkekalan sehingga ke hari ini dan mengatasi politik kepartian. Kewibawaan raja sebagai pelindung bersifat simbolik ini semakin terserlah apabila Yang di-Pertuan Agong (YDPA) telah berperanan dalam menyelesaikan konflik peralihan kuasa pasca Langkah Sheraton yang menyebabkan berlaku insiden Parlimen tergantung (*hung parliament*) ([Mohd Samsudin, 2020](#)).

Di samping peranan pelindung secara simbolik, pelindung yang bersifat substantif juga memiliki kepentingan politik dan peranan yang signifikan. Pasca pembentukan Raja Berperlembagaan, peranan raja telah terbatas kepada urusan hal ehwal agama dan adat istiadat dalam negeri sahaja ([Ahmad Fauzi & Muhamad Takiyuddin, 2012](#)). Rentetan daripada itu, nilai ketaatan orang Melayu yang sebelum ini disandarkan kepada raja telah beralih kepada pemimpin politik yang menguasai kerajaan misalnya UMNO ([Chandra, 1979](#)). Anjakan tersebut telah membawa semangat baharu feudalisme yang dikenali sebagai neofeudalisme ([Syed Husin, 2004](#)).

Kemunculan neofeudalisme Melayu juga hadir secara bersyarat, iaitu ketaatan orang Melayu kepada pemimpin politik atau parti politik seperti UMNO diharapkan dapat

melindungi kedudukan mereka sama ada dalam aspek politik, sosial dan ekonomi oleh parti pemerintah. Kebergantungan ini di manipulasi sebaiknya oleh parti pemerintah agar kebergantungan tersebut memberi keuntungan politik kepada mereka ([Mazli & Jamaie, 2018](#)). Peranan pelindung secara substantif ini jugalah menyebabkan orang Melayu berharap agar kerajaan sentiasa menyelbelahi mereka sekiranya berlaku polemik atau krisis antara etnik di negara ini misalnya dalam polemik tulisan Jawi. Dalam polemik tersebut, kerajaan PH telah membuat keputusan supaya bilangan muka surat pembelajaran Jawi dikurangkan dan dijalankan secara pilihan ([Juani Munir, 2019](#)).

2. Metodologi

Kajian ini dijalankan secara kualitatif iaitu dengan menerapkan kaedah analisis kandungan dokumen sebagai reka bentuk kajian. Bahan kajian sama ada dari sumber primer mahupun sekunder seperti buku, disertasi dan artikel jurnal telah digunakan dalam kajian untuk dianalisis. Kajian ini turut meneliti isi kandungan dokumen serta menilai fakta dan hujah yang dikemukakan oleh setiap sarjana yang berkaitan. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif.

3. Kupasan Sorotan Kajian

3.1. Era Awal Penjajahan Inggeris

Kajian mengenai keterancaman Melayu era penjajahan dibahagikan kepada beberapa peringkat yang berbeza. Peringkat pertama ialah sekitar era 1800 yang ditandai oleh beberapa peristiwa penting seperti Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824, Perjanjian Pangkor 1874 serta permulaan kepada transisi penting dalam budaya politik Melayu yang menyaksikan peralihan daripada sistem politik tradisional kepada sistem politik yang lebih moden ([Barbara & Leonard, 2017](#)). Inggeris yang mula bertapak kukuh di Tanah Melayu melaksanakan beberapa dasar baharu misalnya dalam politik dan pentadbiran seperti pengenalan sistem residen dan penasihat ([Thio, 1969](#)). Selain itu, Inggeris turut membawa perubahan dalam sektor pendidikan misalnya dengan memperkenalkan aliran pendidikan moden. Beberapa perubahan yang dilaksanakan pada peringkat pertama ini perlu dipetakan sebaiknya dalam memahami corak reaksi orang Melayu dalam menanggapi perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka khususnya apabila menyentuh hal-hal yang melibatkan tradisi mereka seperti adat istiadat dan juga agama.

[Barbara dan Leonard \(2017\)](#), dalam *A History of Malaysia* menyebutkan beberapa impak perubahan telah berlaku hasil daripada Perjanjian Inggeris-Belanda yang telah ditandatangani, antaranya ialah pemisahan secara rasmi Alam Melayu kepada pengaruh Inggeris dan Belanda. Menurut sarjana ini, pemisahan tersebut telah menjadi asas kepada pembentukan sempadan Malaysia-Indonesia moden pada hari ini. Pemisahan secara politik alam Nusantara kepada dua kuasa asing tersebut juga menandakan bahawa pergerakan keluar masuk pembesar-pembesar Melayu secara bebas di kedua-dua wilayah tersebut telah terbatas ([Barbara & Leonard 2017, p.124](#)). Dalam kajian ini, reaksi orang Melayu terhadap pemisahan wilayah kekuasaan ini tidak dibahaskan secara terperinci oleh sarjana ini.

Selain persempadanan politik, isu pemusatan pentadbiran turut dibangkitkan oleh sarjana ini. Pada tahun 1826 Singapura, Melaka, Pulau Pinang telah digabungkan di bawah satu unit pentadbiran yang dipanggil Negeri-Negeri Selat (NNS) yang berada di

bawah penguasa Inggeris di India sehingga tahun 1867. Pembentukan unit pentadbiran ini telah meninggalkan beberapa kesan misalnya peluasan pengaruh Inggeris di seluruh Semenanjung serta meningkatnya populasi etnik bukan Melayu khususnya Cina akibat migrasi (Barbara & Leonard 2017, p.124). Dalam isu peningkatan imigran Cina, tiada kegusaran yang dialami oleh orang Melayu dicatatkan oleh sarjana ini. Faktor kesedaran politik yang rendah dalam kalangan orang Melayu ketika itu menjadi faktor isu ini tidak mencetuskan rasa terancam orang Melayu. Tambahan pula, kedatangan buruh-buruh asing terutamanya dari China ini hanya dilihat sebagai bersifat sementara sahaja.

Selain itu, sarjana ini turut membincangkan percubaan Inggeris untuk campur tangan dalam negeri-negeri Melayu yang lain. Percubaan pertama dilakukan di Naning pada tahun 1827. Pada tahun tersebut, gabenor pertama Negeri-Negeri Selat iaitu Robert Fullerton berhasrat untuk melaksanakan beberapa sistem baharu di Melaka antaranya berkaitan tanah, perundangan dan kutipan hasil negeri Melaka yang sebelumnya juga dikutip oleh Syarikat Hindia Timur Belanda (SHTI). Pengenalan sistem baharu tersebut telah menerima tentangan daripada penghulu daerah tersebut iaitu Abdul Said atau lebih dikenali sebagai Dol Said. Penentangan tersebut dilakukan atas hujah bahawa tindakan Inggeris tersebut dilihat sebagai satu bentuk penghinaan kepada tradisi Melayu. Tambah sarjana ini lagi, peristiwa Perang Naning yang berlarutan dalam tempoh yang panjang tersebut menyedarkan Inggeris betapa kompleksnya politik Melayu dan keterancaman yang akan timbul sekiranya urusan hal ehwal Melayu dicampur tangan (Barbara & Leonard 2017, p.125). Penentangan oleh Dol Said ini menunjukkan bibit-bibit awal penggembelangan identiti dalam membangkitkan kesedaran nasionalisme dan politik identiti.

Seterusnya, sarjana ini membincangkan dengan panjang lebar mengenai campur tangan Inggeris dalam hal ehwal Melayu di Perak. Pasca Perjanjian Pangkor pada tahun 1874, Inggeris mula mengorak langkah memperkenalkan sistem pentadbiran baharu di Perak iaitu Sistem Residen pada tahun 1875. Sarjana ini berpandangan, peringkat awal pelaksanaan Sistem Residen begitu mencelarukan, kerana Inggeris tidak dapat melihat perkaitan antara adat dan agama bersangkutan dengan budaya politik. Menurutnya, pembahagian antara agama dan politik dalam budaya sekular Inggeris begitu jelas kelihatan, tidak seperti dalam budaya politik orang Melayu. Atas sebab itu, kutipan hasil negeri yang dikutip oleh bukan Melayu juga dilihat sebagai berpotensi untuk membentuk persepsi buruk dalam kalangan orang Melayu (Barbara & Leonard 2017, p.167-168).

Begitu juga dalam hal-hal yang lain, seperti sistem hamba. Inggeris menurut sarjana ini melihat sistem hamba menerusi kaca mata Inggeris dan bukannya kaca mata tempatan. Dalam tradisi Melayu, sistem hamba terbentuk secara sukarela khususnya hamba berhutang, yang telah mengikat diri mereka dalam tempoh masa yang tertentu. Inggeris turut menyedari bahawa kutipan hasil dan penghapusan sistem hamba akan mencetuskan penentangan. Pertimbangan mengenai unsur-unsur tradisi walau bagaimanapun tidak diendahkan oleh Residen Perak yang baharu iaitu Birch. Sikap Birch dengan Sultan Abdullah dan para pembesar Perak yang lain telah menyebabkan Birch dimusuhi oleh orang Melayu sehingga membawa kepada pembunuhan di Pasir Salak pada 2 November yang dipelopori oleh Datuk Maharaja Lela (Barbara & Leonard 2017, p.169-171). Kajian sarjana ini membantu memberi kefahaman mengenai praktik politik Inggeris di peringkat awal penjajahan. Perubahan pada peringkat ini masih menampakkan ciri-ciri parokialnya dan bukanlah satu kesedaran secara menyeluruh.

[Mohd. Isa \(2007\)](#) dalam bukunya Sejarah Malaysia (1800-1963) turut menghuraikan reaksi orang Melayu terhadap campur tangan Inggeris sekitar tahun 1831 hingga 1898 khususnya penentangan di Pahang yang dicetuskan oleh seorang pembesar Pahang iaitu Dato' Bahaman. Menurut sarjana ini, perasaan anti-Inggeris telah muncul lama di negeri Pahang iaitu sebelum Sistem Residen diperkenalkan lagi. Penentangan di Pahang bermula pada tahun 1891 di bawah kepimpinan Dato' Bahaman dan turut mempengaruhi negeri-negeri lain sekitarnya seperti seperti Terengganu dan Kelantan ([Mohd. Isa 2007, p.97](#)).

Sarjana ini mendakwa bahawa penentangan ini berlaku disebabkan pertentangan nilai antara nilai tradisional Melayu dengan nilai yang cuba diterapkan Inggeris. Terdapat beberapa dasar yang diperkenalkan oleh Inggeris di Pahang yang menimbulkan rasa kurang senang pembesar di Pahang misalnya penghapusan sistem hamba dan sistem kerah yang menjadi lambang kepada pengaruh dan kekayaan seseorang pembesar. Selain itu, tindakan Inggeris membentuk jawatan Majistret dan pengutip hasil di daerah dalam negeri Pahang yang terdiri daripada pegawai-pegawai Eropah juga menjadi faktor kuat bagi menggerakkan penentangan. Gerakan penentangan ini turut menerima dokongan daripada tokoh agama misalnya Engku Sayid Paloh, yang turut dikenali sebagai Ku Paloh iaitu seorang ulama di Terengganu. Penentangan juga bermula apabila beberapa orang pengikut Dato' Bahaman telah ditangkap atas tuduhan mengutip hasil hutan tanpa kebenaran. Penentangan ini kemudiannya merebak di daerah-daerah yang lain dan melibatkan pemimpin-pemimpin Melayu yang lain seperti Tok Gajah dan Mat Kilau ([Mohd. Isa 2007, p.98-99](#)).

Kajian oleh [Barbara dan Leonard \(2017\)](#) serta [Mohd. Isa \(2007\)](#) mengenai penentangan pemimpin dan orang Melayu terhadap Inggeris memberi gambaran bahawa kegagalan untuk membendung unsur keterancaman Melayu matijahkan kesan yang cukup besar terhadap politik. Penentangan terhadap campur tangan Inggeris dalam hal-hal yang dianggap sebagai tradisi Melayu secara tidak langsung telah membuatkan Inggeris mempertimbangkan semula corak politik mereka di Tanah Melayu. Meskipun begitu, terdapat juga sarjana, misalnya [Shaharuddin \(2014\)](#) dalam bukunya Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu yang menganggap bahawa penentangan pemimpin-pemimpin Melayu seperti Dol Said, Maharaja Lela dan Datuk Bahaman didorong oleh kepentingan-kepentingan bersifat peribadi kerana kedatangan Inggeris telah menjelaskan kuasa dan hasil mereka bukannya atas faktor patriotisme mahupun nasionalisme ([Shaharuddin, 2014, p.84-85](#)).

Pandangan sarjana ini walau bagaimanapun tidak menjelaskan hakikat bahawa penentangan yang berlaku telah memberi kesan besar kepada dasar penjajahan Inggeris yang membawa kepada pelaksanaan bentuk baharu pemerintahan yang lebih lunak yang sering disebut sebagai pemerintahan secara tidak langsung. Penentangan tersebut juga menyerahkan satu dimensi lain keterancaman Melayu, bahawa keterancaman Melayu juga boleh didorong oleh elit-elit politik Melayu. Peranan elit politik dalam membangkitkan psike keterancaman juga terbukti dalam menghasilkan satu dorongan penting bagi melahirkan penentangan oleh orang Melayu.

[Roff \(2005\)](#) menerusi Nasionalisme Melayu, menyentuh gambaran ringkas mengenai gejala keterancaman Melayu yang dipandang serius oleh penjajah Inggeris bagi mengelakkan berlakunya penentangan oleh orang Melayu. Sarjana ini dalam bab pertama memerihalkan kesan pertama penjajahan Inggeris terhadap orang Melayu terutamanya dari aspek penerimaan orang Melayu terhadap Inggeris. Menggunakan

kaedah persejarahan, sarjana ini secara tidak langsung telah menunjukkan bahawa faktor keterancaman turut menjadi pertimbangan Inggeris dalam segala praktik politik yang diamalkan Inggeris. Inggeris sangat menyedari bahawa setiap dasar yang digubal perlulah disesuaikan dengan sosiobudaya masyarakat Melayu bagi mengelakkan orang Melayu berasa terancam sekali gus mewujudkan penentangan oleh orang Melayu (Roff 2005, p.10).

Roff (2005) memberikan contoh beberapa amalan politik Inggeris yang digunakan dalam mengekalkan kestabilan politik di Malaya agar orang Melayu berasa tidak terancam dengan Inggeris. Hal ini penting pada Inggeris kerana situasi yang stabil dapat memberi pulangan ekonomi yang baik kepada Inggeris. Bagi tujuan itu, Inggeris misalnya menggunakan alasan moral seperti ingin membawa kebajikan dan memajukan orang Melayu tanpa menjaskannya sifat tradisional orang Melayu. Selain itu, Inggeris juga menutup kekuasaan politik dan pentadbiran langsung mereka atas nama nasihat, mengekalkan *status quo* dan kedudukan orang Melayu kelas pemerintah, menaikkan taraf raja-raja kepada kedudukan mereka yang asal bagi mewujudkan sumber kewibawaan eksekutif dan perundangan serta meyakinkan raja-raja bahawa mereka merupakan rakan kongsi dalam urusan pentadbiran negeri serta beberapa praktik politik yang lain (Roff 2005, 13).

Contoh-contoh praktis yang disebutkan oleh Roff (2005) penting bagi menjamin kestabilan politik dan mengelakkan orang Melayu berasa terancam dengan pemerintahan Inggeris sekali gus mewujudkan penentangan terhadap pemerintahan Inggeris. Hal tersebut juga mencerminkan bahawa praktik yang sesuai dan tepat mampu menjamin pengekalan kuasa dan mengelakkan penentangan oleh orang Melayu, meskipun sesuatu dasar itu datang daripada kuasa penjajah. Kajian Roff (2005) ini memberikan sumbangan yang cukup besar dalam bidang persejarahan Melayu terutamanya apabila mengemukakan bukti-bukti sejarah yang bersifat empirikal bagi mengukuhkan hujahan-hujahannya seperti menggunakan sumber-sumber primer (Roff 2005, p.28-30). Kajian yang dilakukan oleh Roff (2005) mampu memberi gambaran awal mengenai kesedaran Inggeris terhadap elemen-elemen yang mampu mencetuskan keterancaman Melayu, meskipun kajian ini bersifat kajian sejarah, namun kajian ini mampu menjadi rujukan penting dalam kajian mengenai rasa terancam orang Melayu dalam zaman penjajahan Inggeris.

Kajian oleh Rustam (2011) dalam bukunya *Asal-usul Golongan Kiri Melayu: Satu Analisis Berkenaan Kesatuan Melayu Muda* memperincikan elemen-elemen yang menyebabkan praktis politik Inggeris diterima oleh orang Melayu. Seajar dengan pandangan Roff (2005), Rustam (2011) berpandangan bahawa hubungan erat antara pegawai Inggeris dan kuasa raja pada waktu itu ialah berasaskan pertimbangan bagi mewujudkan undang-undang dan kestabilan. Justeru, pentadbiran Inggeris mengekalkan bentuk kelas pemerintah tradisional Melayu, meskipun kuasa di sebaliknya dimiliki oleh penjajah Inggeris dengan cara membentuk birokrasi yang meskipun komposisinya banyak dianggotai oleh Inggeris namun turut membuka ruang kepada sebilangan besar orang Melayu (Rustam, 2011, p.15-16). Hal ini memberi gambaran kepada orang Melayu bahawa pemerintahan Inggeris bukanlah satu ancaman kepada politik orang Melayu sebaliknya dianggap sebagai penguat kepada budaya politik tradisional orang Melayu (Rustam, 2011, p.18).

3.2. Kemunculan Gerakan Pembaharuan

Hussin (1993) melalui bukunya, *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State?* yang menyentuh pertembungan antara Kaum Muda dan Kaum Tua ini juga secara tidak langsung menggambarkan sisi gejala keterancaman Melayu yang wujud akibat timbulnya gerakan baharu yang membawa pembaharuan kepada budaya beragama mereka. Kaum Muda tanpa berselindung menyalahkan golongan pemerintah dan ulama tradisional sebagai punca kemunduran orang Melayu dan menyeru supaya orang Melayu kembali kepada prinsip Islam yang sebenar, yakni berpandukan al-Quran dan al-Sunnah (Hussin 1993, p.21). Menurut Hussin (1993) lagi, pengaruh reformis agama ini terkesan apabila praktik politik mereka dilihat mencabar dan bercanggah dengan norma-norma tradisional yang masih kuat mengakar dalam masyarakat Melayu seperti adat Melayu yang masih dipengaruhi oleh nilai-nilai Hindu, pengamalan sufi dan juga ketaatan tanpa berbelah bagi kepada raja. Hujah ini sejajar dengan pendapat Roff (2005) yang mengatakan sikap Kaum Muda dilihat lebih tegas dalam mengkritik adat beragama orang Melayu yang difikirkan sudah bercampur-aduk dengan kepercayaan-kepercayaan usang dan agama-agama lain (Roff 2005, p.80).

Kedua, mereka juga terhalang akibat orientasi radikal mereka yang mengambil sikap konfrontasi dengan nilai-nilai tradisional dan *status quo* kepimpinan ketika itu seperti raja, tok guru dan ulama-ulama tradisional. Hal ini turut ditegaskan oleh Radin Soenarno (1960) dengan mengatakan bahawa pendekatan Kaum Muda yang mencetuskan perseteruan dengan ulama tradisional telah menyukarkan proses islah yang ingin dilakukan oleh Kaum Muda sehingga Kaum Muda dilabel sebagai “lebih teruk daripada penyembah Kristian” (Radin Soenarno 1960, p.8). Halangan ketiga yang menjadikan pengaruh aliran konservatif seperti Kaum Tua lebih mendominasi berbanding dengan Kaum Tua ialah kerana fitrah etnosentrik orang Melayu. Meskipun sering disebutkan bahawa Islam sangat mempengaruhi kebudayaan Melayu, namun dalam sesetengah hal yang melibatkan adat-adat parokial orang Melayu, mereka akan lebih memilih untuk bersandar kepada sentimen etnik. Hal ini memberi satu kefahaman, bahawa sebarang perubahan yang ingin diperkenalkan akan mengalami penolakan sekiranya sesuatu praktik politik itu tidak bersesuaian dengan pegangan tradisi orang Melayu (Hussin 1993, p.23).

Dalam hal ini, praktik yang digunakan oleh Kaum Muda yang bersifat radikal dalam mengkritik golongan pemerintah dan ulama-ulama tradisional dilihat telah mendorong rasa terancam orang Melayu sekali gus menyebabkan Kaum Muda tidak berjaya membina pengaruh dalam kalangan orang Melayu. Dalam kajian yang dilakukan, sarjana ini hanya menyentuh secara sepantas lalu mengenai pertentangan antara Kaum Tua dan Kaum Muda, dan tidak memperincikan beberapa praktik-praktik lain yang menjurus kepada rasa terancam orang Melayu terhadap aliran yang cuba dibawa masuk oleh Kaum Muda ini.

3.3. Kewujudan Masyarakat Majmuk

Rustam (2004) menerusi perbincangannya dalam Ke Mana Nasionalisme Melayu? turut membicarakan kemunculan gerakan politik yang berteraskan konservativisme Melayu sekitar tahun 1930-an yang muncul sebagai satu tindak balas apabila merasakan kedudukan mereka sedang diancam oleh kaum-kaum pendatang (Rustam, 2004). Rustam (2004) menganalisis peringkat awal perbincangannya dalam menyorot beberapa ciri utama pemerintahan kolonial Inggeris sebelum Perang Dunia Kedua dan kesannya

terhadap perkembangan politik masyarakat Melayu di Malaya. Antara kesan langsung yang dapat dilihat ialah pembentukan masyarakat majmuk sepenuhnya yang terhasil daripada dasar ekonomi-politik kolonial ([Rustam, 2004, p. 16](#)). Beliau mendapati meskipun masyarakat majmuk sudah terbentuk dan pegangan ekonomi oleh kaum imigran meletakkan orang Melayu dalam situasi yang tidak menyenangkan, namun hal tersebut masih tidak menimbulkan penentangan terhadap kolonial Inggeris. Hal ini tidak sukar difahami, kerana budaya politik Melayu yang tidak menganggap kolonial Inggeris itu sebagai suatu cabaran ataupun ancaman, sebaliknya sebagai satu sistem sokongan kepada politik tradisional Melayu ([Rustam, 2004, p. 20](#)).

Namun begitu, reaksi politik orang Melayu ternyata berubah secara drastik apabila kaum pendatang yang didatangkan oleh Inggeris itu tidak lagi merasakan bahawa mereka sebagai kaum pendatang sebaliknya mereka merasakan mereka juga sebahagian daripada penduduk tetap di Tanah Melayu dan mula membuat tuntutan-tuntutan yang radikal seperti mendapatkan hak dan keistimewaan yang sama kepada kolonial Inggeris. Tuntutan-tuntutan yang dianggap melampau oleh orang Melayu itu menyebabkan orang Melayu berasa terancam sehingga banyak akhbar Melayu yang mula mengingatkan orang Melayu tentang bahaya terlucutnya hak peribumi mereka kepada “orang-orang asing yang haloba” ([Rustam, 2004, p. 22-23](#)). Kesedaran berpolitik orang Melayu tersebut akhirnya disalurkan kepada organisasi-organisasi politik berteraskan kenegerian yang timbul dengan pesatnya setelah isu sensitif pada orang Melayu disentuh oleh kaum imigran ([Rustam, 2004, p. 24-27](#)). Tindakan politik Melayu ini jelas menggambarkan wujudnya unsur keterancaman menerusi konsep penstrukturkan bertahan (*defensive structuring*), iaitu usaha untuk memperteguh kedudukan diri secara eksklusif dengan tujuan “membangun dan memelihara identiti budaya dalam keadaan mereka rasakan sebagai ancaman luaran kepada identiti mereka” ([Rustam, 2011, p.20](#)).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa keterancaman Melayu akan timbul apabila melibatkan kepentingan dan kelangsungan politik mereka. [Rustam \(2004\)](#) menerusi kajiannya memberi tumpuan kepada perkembangan nasionalisme dan menyentuh serba ringkas sahaja mengenai kaitan antara keterancaman Melayu dalam membentuk kesedaran berpolitik sehingga munculnya persatuan-persatuan yang bersifat politik yang dahulunya hanya bersifat kebajikan semata-mata. Tulisannya boleh bertambah baik sekiranya dijelaskan juga sebab tiada berlakunya penentangan atau penolakan dalam kalangan orang Melayu ketika Inggeris mula membawa masuk secara beramai-ramai imigran dari China dan India. Hal ini penting bagi menjawab persoalan sama ada orang Melayu tidak berasa terancam dengan kedatangan beramai-ramai imigran ke Tanah Melayu. Perkara ini juga boleh dijelaskan melalui faktor keterbatasan medium, kesedaran yang kurang, perpaduan orang Melayu belum disatukan dengan gerakan-gerakan nasionalis, dan hegemoni kolonial ketika itu.

3.4. Penentangan terhadap Malayan Union

[Ramlah \(2004\)](#) turut membangkitkan persoalan mengenai gejala keterancaman Melayu melalui bukunya *Gerakan Radikalisme di Malaysia (1938-1965)*. Sarjana ini memerihalkan peristiwa penentangan gagasan Malayan Union berpunca daripada prinsip-prinsip Malayan Union yang diperkenalkan pada tahun 1946 yang dilihat merugikan statuo quo orang Melayu sebagai peribumi di Tanah Melayu ([Ramlah, 2004](#)). Penentangan ini dizahirkan melalui bantahan massa Melayu secara besar-besaran terhadap pengenalan Malayan Union pada tahun 1946, yang menyebabkan gagasan Malayan Union telah ditolak secara tuntas. Sarjana ini menegaskan bahawa gagasan

Malayan Union ini telah ditolak oleh orang Melayu kerana telah mencetuskan keterancaman Melayu menerusi prinsip-prinsip seperti hak kewarganegaraan yang longgar (*jus soli*) dan juga berkurangnya kuasa raja-raja (Ramlah 2004, p.148).

Sarjana ini turut mendakwa bahawa penyertaan ramai orang Melayu di dalam Kongres Melayu 1946 yang telah melahirkan UMNO itu merupakan puncak kepada kesedaran dan penyatuan politik orang Melayu (Ramlah 2004, p.173). Peristiwa ini menjadi satu bukti bahawa sebarang tindakan yang menyentuh elemen keterancaman orang Melayu akan meninggalkan kesan yang cukup besar kepada budaya politik orang Melayu khususnya dalam membangkitkan kesedaran berpolitik. Secara ringkas, kajian sarjana ini sememangnya memberikan sumbangan signifikan dalam kajian persejarahan Melayu terutamanya apabila mengemukakan bukti-buktii sejarah yang bersifat empirikal bagi mengukuhkan hujahan-hujahannya seperti menggunakan sumber-sumber primer seperti surat rasmi, memorandum dan akhbar (Ramlah 2004, p.479-481). Kajian ini akan menjadi bertambah baik sekiranya tidak sahaja memfokuskan praktik politik gerakan-gerakan kiri Melayu tetapi turut menyentuh sebab-sebab penolakan orang Melayu terhadap praktik politik golongan kiri Melayu seperti yang dibahaskan secara rinci oleh Ariffin (2017). Namun begitu, hal tersebut tidaklah mengganggu dan menjelaskan aspek-aspek sejarah yang menjadi keutamaan dalam kajian sarjana ini.

Kajian Y. Mansoor (1977) dalam makalahnya berjudul *Malay Nationalism and the Islamic Party of Malaysia* juga mampu menjadi rujukan penting dalam kajian mengenai keterancaman Melayu. Seperti yang disifatkan sarjana ini, Malayan Union membangkitkan keterancaman Melayu apabila orang Melayu merasakan wajah Tanah Melayu akan hilang dalam gagasan Malayan Union kerana syarat kerakyatan kepada golongan imigran telah dilonggarkan (Y. Mansoor, 1977). Menurut sarjana ini lagi, orang Melayu yang mula merasakan bahawa ‘Malaya’ yang dimaksudkan bukan lagi bermaksud “tanah untuk orang Melayu” mula menunjukkan tanda-tanda bantahan kepada gagasan Malayan Union. Keterancaman yang dirasakan oleh orang Melayu mula disuarakan oleh beberapa akhbar misalnya Utusan Melayu, Warta Negara dan Majlis yang mengkritik langkah terkebelakang dasar Inggeris terhadap orang Melayu (Y. Mansoor, 1977, p.294).

Kajian sarjana ini tidak banyak menyentuh secara langsung mengenai faktor-faktor yang mencetuskan keterancaman Melayu sebaliknya memfokuskan perbincangan terhadap impak daripada tercetusnya keterancaman Melayu tersebut. Sarjana ini menyatakan bahawa impak daripada keterancaman Melayu tersebut membawa kepada siri-siri tunjuk perasaan yang dilakukan di beberapa tempat misalnya di Kota Bharu dan Batu Pahat yang disertai sekitar 10 ribu sehingga 18 ribu orang Melayu yang memberikan isyarat bahawa sentimen Melayu terancam itu mula tercetus. Siri-siri bantahan oleh orang Melayu ini kemudiannya disalurkan kepada pengajuran Kongres Melayu Sa-Tanah Melayu yang diadakan pada Mac 1946 di Kuala Lumpur yang menghimpunkan 41 buah pertubuhan politik. Kongres ini kemudiannya secara asasnya bersetuju untuk membentuk Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malays National Organisation* (UMNO) (Y. Mansoor, 1977, p.294). Kongres tersebut turut disifatkan oleh Ramlah (2004) sebagai puncak kepada kesedaran dan penyatuan politik orang Melayu.

Ariffin (2015) dalam bukunya *Bangsa Melayu: Konsep Bangsa Melayu* dalam Demokrasi dan Komuniti, 1945-1950 membincangkan dengan cukup terperinci mengenai elemen keterancaman Melayu yang wujud akibat pelaksanaan Malayan Union. Berbeza dengan kajian Ramlah (2004) yang memberi lebih tumpuan kepada aspek sejarah dalam

penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union, sarjana ini memilih untuk memberi tumpuan yang terperinci terhadap idea-idea yang terkandung di dalam gagasan Malayan Union yang mencetuskan rasa terancam orang Melayu ([Ariffin, 2015, p.56-58](#)).

Sarjana ini menyebutkan bahawa terdapat dua tujuan utama Inggeris melaksanakan Malayan Union ialah bagi menyatukan Kaum Cina yang agak besar bilangannya dan kaum India yang bilangannya agak kecil dalam satu wilayah politik Malaya yang berunsurkan ‘Kemalayanan (*Malayanness*)’ selain daripada menghapuskan struktur pentadbiran sebelum perang yang mempunyai sepuluh unit kerajaan dan tiga unit pentadbiran iaitu Negeri-negeri Bersekutu, Negeri-Negeri Tidak Bersekutu dan juga Negeri-negeri Selat. Melalui Malayan Union, kesemua negeri-negeri yang terpisah pentadbirannya ini akan diperintah sebagai sebuah negara, manakala Singapura akan menjadi satu entiti yang terpisah. Hal ini bercanggah dengan maksud ‘kerajaan’ dalam masyarakat Melayu yang menggambarkan setiap ‘raja’ mempunyai ‘kerajaannya’ yang tersendiri ([Ariffin, 2015, p.56-57](#)).

Melanjutkan lagi perbincangannya, sarjana ini mengatakan terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani Inggeris sekiranya ingin melaksanakan Malayan Union antaranya ialah dengan menyusun semula syarat-syarat kelayakan untuk menjadi warganegara atau dalam erti kata lain, syarat-syarat kerakyatan yang lebih longgar. Selain itu, perkhidmatan awam yang sebelum ini terhad kepada orang Inggeris dan Melayu sahaja akan dibuka kepada semua masyarakat, manakala raja-raja akan hilang kedudukan mereka dan dibatasi bidang kuasa mereka kepada dalam hal ehwal agama sahaja. Hal ini menurut sarjana ini membawa persepsi bahawa kuasa raja akan dipindahkan sepenuhnya kepada raja Inggeris sekali gus akan membawa kepada ketidaksetujuan raja-raja dan orang Melayu ([Ariffin 2015, p.57](#)).

Sarjana ini juga mengutarakan praktik politik Inggeris dalam Malayan Union begitu bercanggah dengan praktik Inggeris sebelum ini iaitu ‘mengekalkan kedudukan dan kuasa raja-raja Melayu’ dan telah mencetuskan kemarahan golongan Melayu konservatif. Sarjana ini juga menyifatkan pembuat dasar Inggeris selepas perang telah membuat kesilapan besar kerana tidak mengambil kira betapa pentingnya kedudukan raja-raja Melayu sebelum ini ([Ariffin, 2015, p.58](#)). Rasa terancam orang Melayu jelas dapat diperhatikan melalui beberapa reaksi terhadap Malayan Union, golongan konservatif misalnya melihat tindakan menandatangani Perjanjian Malayan Union sebagai satu malapetaka. Hal ini kerana, Malayan Union bukan sahaja memberi kesan kepada kedaulatan raja-raja, tetapi juga kedudukan bangsawan Melayu kerana tiada lagi Majlis Negeri ([Ariffin, 2015, p.62-63](#)).

Menurut sarjana ini lagi, bantahan terhadap rancangan Malayan Union disuarakan melalui tindakan menghidupkan semula persatuan-persatuan yang wujud sebelum perang misalnya Persatuan Melayu Selangor, Persatuan Melayu Perak dan Persatuan Melayu Pahang di samping menubuhkan beberapa lagi pertubuhan baharu seperti Perikatan Melayu Perak dan Pemuda Melayu Kedah. Sarjana ini juga mengatakan bahawa penubuhan persatuan-persatuan ini sebagai satu isyarat perasaan marah yang ditujukan kepada raja-raja, manakala akhbar yang mewakili golongan konservatif iaitu Majlis beranggapan bahawa persatuan-persatuan itu ditubuhkan kerana orang Melayu tidak lagi yakin dengan raja-raja Melayu sebagai sebuah institusi yang mampu melindungi kepentingan mereka. Orang Melayu merasakan persatuan ini lebih mampu

melindungi kepentingan mereka berbanding dengan raja-raja yang senang diugut oleh Inggeris ([Ariffin, 2015, p.63](#)).

Gejala keterancaman yang wujud akibat tiada lagi institusi yang mampu melindungi kepentingan orang Melayu membuatkan orang Melayu bertindak dengan lebih berani, iaitu menentang tindakan raja. Hal ini luar daripada kebiasaan Melayu kerana itu merupakan satu tindakan yang disifatkan sebagai derhaka dalam budaya tradisi orang Melayu. Menurut sarjana ini lagi, orang Melayu terlebih dahulu bertindak membuat rayuan kepada raja-raja Melayu supaya melindungi hak dan keistimewaan orang Melayu dan menjelang Disember, orang Melayu sudah mula berasa ragu dengan kemampuan raja-raja untuk mempertahankan kepentingan Melayu di negeri-negeri Tanah Melayu. Kritikan orang Melayu kepada raja-raja pada awalnya tidak dizahirkan dalam bentuk penentangan yang keras sebaliknya masih lagi dalam bentuk berkias atau berlapik. Namun begitu, keadaan berubah bermula Januari 1946, apabila umum mengetahui semua hak telah dilepaskan oleh raja-raja. Hal tersebut membawa kepada kritikan keras terhadap raja yang diterbitkan dalam akhbar Melayu seperti Majlis, satu tindakan yang sebelum ini boleh dianggap sebagai derhaka ([Ariffin, 2015, p.67](#)).

Malah, akhbar Majlis juga menyiaran pernyataan bahawa Sultan Ibrahim juga tidak lagi diiktiraf sebagai raja oleh rakyatnya sendiri. Tindakan baginda menandatangani perjanjian Malayan Union tanpa merujuk kepada rakyat Johor telah bercanggah dengan Perlembagaan Negeri Johor yang menghalang pemerintah daripada menyerahkan mana-mana bahagian negeri Johor kepada kuasa asing ([Ariffin, 2015, p.70](#)). Tindakan ini membuktikan bahawa, ancaman terhadap segala kepentingan Melayu akan memberi kesan yang cukup besar kepada tingkah laku politik orang Melayu dan mana-mana pihak termasuklah raja-raja, sekiranya gagal melindungi kepentingan Melayu daripada ancaman juga akan ditolak.

Kajian sarjana ini cukup komprehensif memandangkan bidang kajian sarjana ini tertumpu kepada sejarah idea (*history of ideas*). Sarjana ini turut membincangkan isu-isu Malayan Union dengan begitu terperinci, termasuklah praktik-praktik yang mencetuskan keterancaman Melayu sama ada oleh Inggeris mahupun daripada tindakan-tindakan raja-raja Melayu itu sendiri. Sarjana ini berpandangan bahawa penubuhan Malayan Union dilihat sebagai ancaman bukan sahaja kepada bangsa Melayu tetapi juga kepada kebangsaan Melayu kerana melalui gagasan tersebut orang bukan Melayu akan diberikan hak kewarganegaraan dalam negeri-negeri Melayu ([Ariffin, 2015, p.71](#)). Kajian sarjana ini mampu menjadi rujukan penting dalam membincangkan faktor-faktor pendorong gejala keterancaman Melayu yang akan dijadikan tumpuan dalam kajian yang akan dijalankan.

3.5. Isu Natrah dan Keterancaman Melayu

[Fatini \(2010\)](#) menerusi bukunya *Natrah: Cinta, Rusuhan dan Air Mata* membincangkan rasa terancam yang tercetus dalam kalangan orang Melayu apabila keputusan mahkamah di Singapura dilihat berpihak kepada penjajah apabila mahkamah memutuskan hak penjagaan Natrah kekal kepada keluarga kandungnya ([Fatini, 2010](#)). Menurut penyelidik, keadaan bertambah rumit apabila akhbar Inggeris seperti *The Straits Times*, *The Sunday Times* dan *The Singapore Standard* dilihat melakukan provokasi dan menguris emosi orang Melayu dengan menyiaran gambar Natrah di gereja seolah-olah Natrah sudah dikristiankan ([Fatini 2010, p.147-152](#)).

Menurut penyelidik ini, isu ini boleh dilihat daripada pelbagai perspektif, iaitu pertembungan antara Timur dan Barat, Islam dan Kristian serta anak jajahan dan penjajah yang menjadikan isu ini mendapat tempat di seluruh dunia. Keputusan mahkamah itu juga telah memberi kesan yang cukup besar kepada orang Melayu-Islam merentasi sempadan wilayah politik seperti di Indonesia dan Pakistan. Seorang Menteri Agama Indonesia, Kiyai Wahid Hashim turut menghantar bantahan dengan mengatakan bahawa kerajaan penjajah telah menindas dan mendiskriminasikan orang Melayu-Islam. Pandangan Menteri Agama Indonesia ini turut dikongsi oleh seluruh orang Melayu yang berasa sungguh kecewa dengan keputusan mahkamah itu sehingga orang Melayu melancarkan kutipan derma untuk kes Natrah ([Fatini 2010, p.159-160](#)).

Selain itu, bantahan dan penentangan tersebut akhirnya disalurkan dengan penubuhan Jawatankuasa Tindakan Natrah (JKTN) yang menaungi seluruh orang Melayu-Islam dan melibatkan ramai tokoh-tokoh Melayu yang terkenal misalnya Burhanuddin al-Helmy, Karim Ghani, Sardon Jubir dan Mohd Taha Kalu. Akhbar-akhbar seperti Melayu Raya, Majlis dan Utusan Melayu turut memainkan peranan penting dalam membangkitkan sentimen orang Melayu menentang penjajah. Selain itu juga, penyelidik ini mengatakan bahawa pemimpin Melayu-Islam telah diasak oleh pelbagai pihak agar berbuat sesuatu dalam isu Natrah ini, manakala pemimpin Melayu yang berdiam diri seperti Onn Jaafar telah menerima kritikan yang cukup kuat daripada masyarakat Islam, pertubuhan-pertubuhan Melayu-Islam dan juga oleh ahli-ahli UMNO sendiri ([Fatini, 2010, p.159-161](#)).

Tragedi Natrah pada tahun 1950-an yang menjadi simbol penyatuan orang Melayu dalam mempertahankan maruah mereka turut disentuh beberapa sarjana lain seperti [Haja Maideen \(1989\)](#) dan [Firdaus \(1985\)](#). [Firdaus \(1985\)](#) misalnya, menerusi tesis kedoktorannya, *The Origins and Early Development of the Radical Malay Opposition Movement in Malaysian Politics* memuatkan perbincangan mengenai isu agama digunakan sebagai motivasi oleh pejuang-pejuang nasionalis kiri Melayu dalam mencetuskan kebangkitan orang Melayu menentang penjajah bagi mempertahankan maruah agama dan bangsa yang dihina sepanjang tragedi itu berlaku ([Firdaus, 1985](#)). Namun begitu, sarjana ini mengaitkan tragedi ini dipandu oleh golongan-golongan kiri Melayu seperti Burhanuddin al-Helmy, Mohd. Taha Kalu, Darus Shariff, Harun Aminurrashid dan Abdullah Senggora bagi mencari kedudukan politik baharu pasca pengharaman dan pembubaran parti-parti politik kiri Melayu ([Firdaus 1985, p. 205](#)).

Sejajar dengan pandangan [Fatini \(2010\)](#), isu Natrah ini telah mendapat perhatian dan liputan meluas orang Melayu di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu melalui akhbar-akhbar Melayu dan India Muslim seperti Melayu Raya, Malaya Nanban dan Utusan Melayu. Dalam analisis sarjana ini lagi, beberapa tokoh-tokoh yang ditemui terlibat dalam kejadian rusuhan Natrah ini mendakwa bahawa isu Natrah ini memberikan harapan kepada mereka untuk kembali semula ke dalam dunia politik dan melaksanakan semula idea Melayu Raya dengan cara mencetuskan revolusi kepada penjajah Inggeris namun telah digagalkan akibat penangkapan beramai-ramai pemimpin haluan kiri Melayu ([Firdaus, 1985](#)).

Melalui tragedi ini, dapat dilihat gelombang kebangkitan orang Melayu kerana beranggapan isu tersebut melibatkan maruah dan kesucian Islam yang menjadi kewajipan kepada mereka untuk diperjuangkan sehingga sampai kepada tahap untuk melancarkan jihad apabila dicadangkan oleh Majlis Ulama. Namun begitu, [Haja Maideen \(1989\)](#) dalam bukunya *The Nadra Tragedy: The Maria Hertogh Controversy* mengatakan

cadangan jihad tersebut akhirnya dibatalkan kerana mereka memilih untuk bertindak mengikut lunas-lunas perundangan dan demokrasi ([Haja Maideen, 1989](#)). Hal ini berlaku akibat provokasi yang dilakukan oleh akhbar-akhbar Inggeris yang memaparkan gambar Natrah melutut di depan patung Virgin Mary. Penyertaan beramai-ramai orang Melayu, penglibatan ramai pemimpin Melayu-Islam tersohor seperti Burhanuddin al-Helmy, Mohd Taha Kalu dan sebagainya serta tumpuan besar-besaran yang diberikan oleh akhbar Melayu menunjukkan bahawa isu ini membawa pengertian yang luar biasa kepada orang Melayu. Tragedi Natrah ini meninggalkan kesan yang cukup besar dan memberi pengajaran yang cukup besar bahawa sebarang isu yang berkait dengan agama akan membangkitkan sentimen dan rasa terancam orang Melayu.

3.6. Keterancaman Melayu Era Prakemerdekaan

[Y. Mansoor \(1977\)](#) turut membincangkan persoalan keterancaman Melayu menjelang kemerdekaan iaitu sekitar tahun 1954 hingga 1955. Menurut sarjana ini, PAS yang kemudiannya berjaya mendapatkan status parti politik daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (*Registrar of Societies*) telah membangkitkan ancaman oleh kaum pendatang dalam kempen pilihan raya pada tahun 1955 dengan menyifatkan kaum pendatang akan mengancam hak peribumi. PAS yang telah melakukan perubahan drastik daripada hanya bersifat persatuan kebajikan Islam semata-mata, kepada parti politik yang komited untuk mempertahankan hak Melayu. Pendekatan PAS tersebut merupakan satu tindak balas politik bagi menyaingi praktik politik PERIKATAN terutamanya Tunku Abdul Rahman yang dilihat terlalu liberal dan akomodatif terhadap tuntutan bukan Melayu khususnya isu kewarganegaraan ([Y. Mansoor, 1977, p. 298](#)).

Lanjutan daripada perbincangan tersebut, sarjana ini menyatakan bahawa kejayaan UMNO-MCA dalam pilihan raya perbandaran pada tahun 1952 membawa kepada pengukuhan kerjasama antara kedua-dua parti tersebut menjelang pilihan raya pada tahun 1955 dalam sebuah perikatan yang lebih kukuh. Tambahan lagi, kedua-dua parti tersebut juga sedar bahawa Inggeris akan mula menyerahkan kuasa kerajaan kepada parti yang berjaya membentuk kerjasama antara etnik. Kedua-dua parti ini juga dilihat mula berkompromi dalam beberapa isu misalnya kemerdekaan dan juga beberapa tuntutan *Malaysian Chinese Association* (MCA) seperti jus soli dan hak mengundi kepada bukan Melayu ([Y. Mansoor, 1977, p. 298](#)).

Menurut sarjana ini lagi, keterancaman ini mula dirasakan dan disuarakan oleh beberapa bahagian dalam parti terutamanya sayap pemuda yang menegaskan perjanjian bagi memberikan hak mengundi kepada bukan Melayu sebagai telah menggadaikan kepentingan Melayu. Hal ini dibuktikan dalam konvensyen UMNO-MCA yang diadakan pada Ogos 1953, apabila seorang perwakilan Melayu iaitu Hashim Ghani telah memberi amaran kepada ahli UMNO bahawa pembentukan kerjasama dengan MCA akan membuatkan kuasa politik akan dimonopoli oleh orang Cina ([Y. Mansoor, 1977, p. 299](#)).

Namun begitu, pandangan tersebut tidak begitu mendapat sokongan oleh ahli parti kerana kerjasama antara UMNO-MCA merupakan kunci penting dalam mencapai kemenangan dalam pilihan raya. Suasana mula berubah apabila pemimpin UMNO tunduk kepada tuntutan MCA dalam hal kewarganegaraan sehingga ramai orang Melayu termasuk oleh ahli UMNO sendiri yang tidak bersetuju dengan tindakan tersebut telah keluar daripada UMNO dan menyertai PAS. Malahan di Kelantan, ramai juga ahli-ahli parti UMNO yang keluar daripada UMNO terdiri daripada pimpinan pertengahan dan bawah hirarki parti UMNO ([Y. Mansoor, 1977, p. 299](#)). Kajian sarjana ini sangat

signifikan dalam mengkaji elemen-elemen yang mencetuskan keterancaman Melayu dalam era menjelang kemerdekaan.

4. Analisis Sorotan Kajian

Berpandukan hasil sorotan kajian di atas, keterancaman Melayu dalam era kolonial dapat dikesan menerusi tiga elemen utama iaitu 1) pendekatan politik; 2) konsep kesamarataan; serta akhir sekali, 3) penggembungan unsur agama. Kesemua elemen ini memberi gambaran bahawa keterancaman Melayu masih berkisarkan persoalan memperteguh kedudukan mereka sebagai bangsa peribumi dan menentang sebarang unsur yang dilihat mampu menggugat kepentingan mereka di negara ini. Unsur tersebut bukan sahaja muncul disebabkan oleh bukan Melayu tetapi turut berlaku disebabkan oleh faktor dalaman masyarakat Melayu sendiri sama ada pemimpin atau kerajaan yang gagal memperlihatkan ciri-ciri sebagai seorang pelindung yang berkesan kepada orang Melayu. Analisis ini telah merumuskan ketiga-tiga elemen tersebut serta melihat kesinambungannya dalam konteks politik kontemporari orang Melayu pada hari ini.

4.1. Pendekatan Politik

Kajian sarjana seperti [Barbara dan Leonard \(2017\)](#), [Roff \(2005\)](#) dan [Rustum \(2011\)](#) menyerlahkan aspek pendekatan politik menjadi elemen penentu kepada wujudnya rasa terancam dalam kalangan orang Melayu. Dalam konteks ini, keterancaman Melayu dapat dikendurkan dengan pendekatan yang lebih harmoni seperti yang dilaksanakan oleh Inggeris misalnya dengan mengekalkan struktur politik tradisional Melayu serta yang kedua, melibatkan aristokrat Melayu dalam sistem birokrasi mereka ([Rustum, 2011](#)). Pendekatan ini bukan sahaja berhasil mengelakkan penentangan oleh pembesar dan orang Melayu tetapi turut mewujudkan kewibawaan eksekutif kepada Inggeris dalam menjalankan tugas-tugas kolonial mereka. [Chew \(1974\)](#) dalam kajiannya turut membuktikan bahawa Inggeris menjalankan matlamat kolonial mereka menerusi konsep '*indirect rules*' atau pemerintahan secara tidak langsung. Pemerintahan tidak langsung ini dirangka setelah Inggeris terpaksa berdepan dengan penentangan rakyat India ([Chew, 1974](#)). Perubahan pendekatan Inggeris ini turut dibincangkan oleh [Hutchinson \(2015\)](#) yang berpendapat bahawa langkah Inggeris ini menyumbang banyak kelebihan politik kepada Inggeris.

Berbanding dengan pendekatan Inggeris yang lebih lunak dan berselindung di sebalik istilah 'nasihat', pendekatan yang tidak cocok dengan budaya dan pengamalan lazim orang Melayu pula akan melahirkan penolakan meskipun ditimbulkan oleh pemimpin atau orang Melayu sendiri. Hal ini terserlah sekitar tahun 1920-an yang menyerlahkan polemik antara Kaum Muda dan Kaum Tua. Dalam hal ini, tulisan sarjana-sarjana seperti [Radin Soenarno \(1960\)](#), [Hussin \(1993\)](#) dan [Roff \(2005\)](#) memperlihatkan pendekatan Kaum Muda yang kelihatan keras sukar untuk diterima oleh orang Melayu. Kaum Muda yang memilih untuk mencabar norma-norma tradisional seperti ketaatan kepada raja, adat Melayu yang masih dipengaruhi ajaran Hindu, mengkritik adat beragama orang Melayu yang dianggap sudah diserapi dengan ajaran agama lain serta mengambil sikap konfrontasi dengan status quo kepimpinan seperti raja dan ulama-ulama tradisional membuatkan seruan mereka untuk kembali kepada ajaran Islam yang tulen telah terbatas. Hal ini menjadi bukti bahawa pendekatan politik yang sesuai perlu menjadi pertimbangan utama mana-mana pihak bagi mengelakkan berbangkitnya keterancaman Melayu.

Tanpa meneladani kegentingan elemen ini kepada orang Melayu, PH telah mengulangi kesilapan yang sama dengan mempraktikkan pendekatan yang bertentangan dengan aspirasi orang Melayu kebanyakan. Polemik tulisan Jawi menyerlahkan sikap PH apabila kelihatan akur dengan desakan bukan Melayu dengan memutuskan untuk mengurangkan bilangan muka surat pembelajaran Jawi daripada enam muka surat kepada tiga muka surat dan tidak akan dinilai dalam mana-mana peperiksaan ([Irwan Shafrizan, 2019](#)). Selain itu, PH turut menjadikan pembelajaran tersebut sebagai satu pilihan yang akan ditentukan oleh pihak sekolah itu sendiri ([Juani Munir, 2019](#)). Begitu juga dengan pendekatan PH yang melantik bukan Melayu di jawatan-jawatan strategik negara seperti Peguam Negara, Ketua Hakim Negara, dan Menteri Kewangan ([Berita Harian Singapura, 2018](#)). Pelantikan ini jelas berbeza dengan kelaziman politik sebelum ini, iaitu pasca pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) apabila jawatan-jawatan tersebut dikhususkan kepada orang Melayu sahaja ([Chin, 2018](#)).

4.2. Konsep Kesamarataan

Konsep kesamarataan turut menjadi elemen utama yang membangkitkan keresahan dan keterancaman Melayu. Konsep ini meninggalkan implikasi politik yang cukup signifikan dalam kalangan orang Melayu seperti yang ditegaskan oleh beberapa sarjana misalnya [Rustam \(2004\)](#). Bagi [Rustam \(2004\)](#) tuntutan sama rata oleh golongan imigran kepada Inggeris bukan sahaja membuatkan orang Melayu berasa terancam tetapi turut mengubah pola pergerakan politik orang Melayu apabila mereka mula terlibat secara aktif dalam persatuan-persatuan yang diyakini mampu memperjuangkan kepentingan mereka termasuklah Kesatuan Melayu Muda ([Rustam, 2004](#)).

Situasi yang sama turut diserahkan dalam isu pelaksanaan Malayan Union oleh Inggeris pada tahun 1946. Sarjana seperti [Y. Mansoor \(1977\)](#), [Ramlah \(2004\)](#) dan [Ariffin \(2015\)](#) memerihalkan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union badalah berpunca daripada tiga faktor utama iaitu syarat kerakyatan yang longgar iaitu berasaskan prinsip *jus soli*, kemasukan ke dalam sektor perkhidmatan awam yang turut dibuka kepada bukan Melayu, serta kehilangan kuasa Raja-raja Melayu. Seperti tuntutan kesamarataan oleh golongan imigran yang memberi kesan terhadap kesedaran politik Melayu, isu Malayan Union turut melahirkan pertubuhan politik yang baharu iaitu *United Malay National Organization* (UMNO) dan berjaya menggantikan Malayan Union dengan perlombagaan yang lebih memberi keuntungan kepada orang Melayu.

Konsep kesamarataan sehingga sekarang masih menjadi dilema dan pertentangan utama kepada orang Melayu khususnya apabila menyentuh peruntukan Melayu dan kedudukan agama Islam dalam Perlombagaan Persekutuan. Bagi kebanyakan orang Melayu, konsep kesamaratan merupakan satu bentuk percanggahan dengan konsep ketuanan Melayu ([Rizal, 2011](#)). Disebabkan itu, tuntutan atau desakan yang menuntut kesamarataan akan menimbulkan penolakan oleh orang Melayu. Tuntutan Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (atau nama ringkasnya Suqiu) pada tahun 1999 dapat dijadikan satu contoh dalam politik kontemporari bahawa agenda yang menuntut kesamarataan tidak akan diterima oleh orang Melayu ([Thock, 2015](#)).

Antara tuntutan Suqiu ialah menggesa kerajaan memasukkan bahasa ibunda ke dalam kurikulum formal sekolah sekiranya terdapat sekurang-kurangnya lima orang pelajar daripada mana-mana kumpulan etnik, mengiktiraf UEC, dan ijazah daripada Universiti Nanyang serta universiti lain di China dan Taiwan ([Sia, 2005](#)). Bukan sekadar itu, Suqiu turut mendesak agar kerajaan menghapuskan perbezaan antara bumiputera dan bukan

bumiputera serta menghapuskan sistem kuota yang berdasarkan etnik ([Lee, 2002](#)). Tuntutan ini walau bagaimanapun tidak diterima oleh Dr. Mahathir yang ketika itu menjadi Perdana Menteri bagi memperlihatkan komitmen UMNO terhadap gagasan ketuanan Melayu. Sama halnya dengan langkah PH meratifikasi ICERD yang terpaksa berdepan dengan tantangan hebat oleh orang Melayu kerana tema kesamarataan sebagai tunjang konvensyen ini dipandang dalam kerangka negatif bagi orang Melayu yang sensitif dengan konsep kesamarataaan ([Tashny, 2018](#)).

4.3. Pengembangan Unsur Agama

Elemen terakhir yang dapat dirumuskan menerusi sorotan kajian di atas ialah pengembangan unsur agama merupakan satu elemen yang tidak dapat diabaikan dalam mendorong keterancaman Melayu. Hal ini terbukti menerusi beberapa peristiwa yang melibatkan pertautan agama dalam sesuatu isu misalnya yang paling menonjol ialah kebangkitan orang Melayu dalam Tragedi Natrah. Sarjana seperti [Firdaus \(1985\)](#), [Haja Maideen \(1989\)](#) dan [Fatini \(2010\)](#) membincangkan keruncingan tragedi tersebut menurut perspektif orang Melayu. Bagi orang Melayu, mereka menganggap isu tersebut sebagai satu isu maruah dan kesucian Islam yang perlu dipertahankan. Seperti yang dikemukakan oleh [Firdaus \(1985\)](#), kemuncak kepada keterancaman Melayu dalam tragedi tersebut ialah apabila orang Melayu bersumpah untuk melancarkan jihad dan revolusi terhadap penjajah ketika itu.

Pemautan unsur agama dalam membangkitkan keterancaman Melayu bukanlah satu hal yang asing dalam budaya politik Melayu. Orang Melayu memiliki kelainan berbanding banyak etnik-etnik lain kerana aspek agama membentuk identiti penting kepada orang Melayu ([Mohamad Abu, 1981](#)). Tambahan pula, pertautan antara identiti Melayu dan Islam di Malaysia bersifat *ethno-religious* iaitu begitu cair dan lebur sehingga sukar diletakkan perbezaan antara kedua-duanya ([Pranav, 2012](#)). Polemik penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian Katolik pada tahun 2010 juga membuktikan unsur agama menjadi elemen yang tidak dapat dikesampingkan dalam membincangkan keterancaman Melayu. Polemik ini turut meruncing dengan timbulnya tindak balas yang lebih radikal apabila terdapat gereja yang turut dibakar setelah Mahkamah Tinggi membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama Kristian ([Maznah, 2010](#)). Sensitiviti agama yang tinggi dalam kalangan orang Melayu turut menjadikan Islam sebagai satu instrumen penting bagi mendapatkan keabsahan politik. Hal ini terserlah dalam pergelutan politik identiti mengenai “siapa lebih Islam?” antara dua parti politik utama orang Melayu itu UMNO dan PAS ([Raymond, 1988](#)).

5. Kesimpulan

Berdasarkan analisis di atas, dapat disimpulkan bahawa, keterancaman Melayu yang tercetus dalam era kolonial bersifat lebih dinamik sifatnya terutamanya pada peringkat awal dasar penjajahan Inggeris di Tanah Melayu yang memperlihatkan siri-siri penentangan oleh pembesar Melayu. Strategi lebih cermat yang disusun oleh Inggeris membuatkan penentangan oleh orang Melayu mula mengendur, dan mereka mula mengubah anggapan mereka bahawa keberadaan Inggeris sebagai pelengkap kepada dasar pemerintahan tradisional Melayu. Peringkat prakemerdekaan pula, keterancaman Melayu lebih terjurus kepada perjuangan mereka mengukuhkan kedudukan mereka secara berpelembagaan sama ada dari sudut ekonomi, politik maupun sosial ([Shamsul, 1997](#)). Pada peringkat ini, persaingan menakrifkan identiti ‘Kemelayuan’ sebagai identiti teras negara terus menjadi teras perjuangan jalur-jalur politik Melayu sama ada jalur

kanan atau jalur kiri ([Shamsul, 1996](#)). Kegagalan menjadikan identiti Melayu diterima secara organik dan bukan secara perlembagaan sahaja oleh bukan Melayu membuktikan masih wujud ancaman-ancaman terhadap orang Melayu baik secara politik maupun sosial. Hal ini juga membuktikan bahawa keterancaman Melayu bukanlah satu gejala moden yang timbul hanya pada PRU-14 melainkan dipertautkan oleh pengalaman dan sejarah sosial orang Melayu sebelum kemerdekaan lagi.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diberikan kepada pihak Universiti Malaya, khususnya Akademi Pengajian Melayu kerana memberi kemudahan untuk menjalankan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Penghargaan kepada Universiti Malaya dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana memberi tajaan untuk menjalankan penyelidikan menerusi Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan yang akan menjelaskan mutu akademik kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Fauzi Abdul Hamid & Muhamad Takiyuddin Ismail. (2012). The monarchy and party politics in Malaysia in the era of Abdullah Ahmad Badawi (2003-09): The resurgence of the role of protector. *Asian Survey*, 52(5), 924–948. <https://doi.org/10.1525/AS.2012.52.5.924>
- Ahmat Adam. (2014). *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*. Penerbit Universiti Malaya.
- Barbara, W. A. & Leonard, Y. A. (2017). *A history of Malaysia* (3rd ed.). Red Globe Press.
- Ariffin Omar. (2017). *Bangsa Melayu: Konsep bangsa Melayu dalam demokrasi dan komuniti, 1945-1950*. SIRD & Penang Institute.
- Beland, D. (2007). Insecurity and Politics: A framework. *The Canadian Journal of Sociology*, 32(3), 317–340.
- Berita Harian Singapura. (2018, June 7). Anwar: Pelantikan Peguam Negara baru tak jejas kedudukan Islam, hak Melayu. *Berita Harian Singapura*. <https://www.beritaharian.sg/dunia/anwar-pelantikan-peguam-negara-baru-tak-jejas-kedudukan-islam-hak-melayu>
- Chandra Muzaffar. (1979). *Protector*. Aliran.
- Chew, E. (1974). Swettenham and British Residential Rule in West Malaya. *Journal of Southeast Asian Studies*, 5(2), 166–178.
- Chin, J. (2018). From Ketuanan Melayu to Ketuanan Islam: UMNO and the Malaysian Chinese. In Welsh, B. (Ed.), *The end of UMNO? essays on Malaysia's dominant party* (pp. 255–296). SIRD.
- Ciovacco, C. (2019). The shaping of threat through narration. *Journal of Strategic Security*, 13(2), 48–63.
- Davis, J. W. (2000). *Threats and promises: The pursuit of international influence*. Johns

- Hopkins University Press.
- Fatini Yaacob. (2010). *Natrak: Cinta, rusuhan dan air mata*. Penerbit UTM.
- Firdaus Abdullah. (1985). *Radical Malay politics: Its origins and early development*. Pelanduk Publications.
- Furedi, F. (2018). *How fear works: Culture of fear in the twenty-first century*. Bloomsbury Continuum.
- Haja Maideen. (1989). *The Nadra tragedy: The Maria Hertogh controversy*. Pelanduk Publications.
- Hooker, V. M. (2019). Reconfiguring Malay and Islam in contemporary Malaysia. In Barnard, T. P. (Ed.), *Contesting Malayness*. NUS Press.
- Hussin Mutalib. (1993). *Islam in Malaysia: From revivalism to Islamic state?* Singapore University Press.
- Hutchinson, F. E. (2015). Malaysia's Independence Leaders and the Legacies of State Formation under British Rule. *Journal of Royal Asiatic Society*, 25(1), 123–151.
- Irwan Shafrizan Ismail. (2019, August 8). Tulisan khat dilaksanakan secara pilihan - Maszlee. *BH Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/594127/tulisan-khat-dilaksanakan-secara-pilihan-maszlee>
- Juani Munir Abu Bakar. (2019, December 30). Hanya tiga muka surat, mengapa masih berkeras? *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/63803/BERITA/Nasional/Hanya-tiga-muka-surat-mengapa-masih-berkeras>
- Kartini Aboo Talib@Khalid & Suraiya Ishak. (2020). Penerimaan dan Penolakan International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) dalam kalangan masyarakat Melayu dan Bumiputera di Malaysia. *Islāmiyyāt*, 41(2), 81–91.
- Lee, H. G. (2002). Malay dominance and opposition politics in Malaysia. *Southeast Asian Affairs*, 2002, 177–195.
- Mazli Bidu & Jamaie Hamil. (2018). *Neofeudal UMNO: Politik dan pembangunan luar bandar*. SIRD.
- Maznah Mohamad. (2010). The ascendance of bureaucratic islam and the secularization of the sharia in Malaysia. *Pacific Affairs*, 83(3), 505–524.
<https://doi.org/10.5509/2010833505>
- Mohamad Abu Bakar. (1981). Islamic revivalism and the political process in Malaysia. *Asian Survey*. <https://doi.org/10.1525/as.1981.21.10.01p0314o>
- Mohd. Isa Othman. (2007). *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Samsudin. (2020). Peranan Yang di-Pertuan Agong serta institusi raja dalam menyelesaikan krisis politik tujuh hari. In Muhamad Takiyuddin Ismail & Suffian Mansor (Ed.), *Tujuh hari panjang saga Sheraton*. Penerbit Universiti Malaya.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2020). Bagaimana DAP membuka jalan kepada Langkah Sheraton. In *Tujuh hari panjang saga Sheraton*. Penerbit Universiti Malaya.
- Pranav, K. (2012). *Malaysia: Majority supremacy and ethnic tensions*. Institute of Peace and Conflict Studies (IPCS).
- Radin Soenarno. (1960). Malay nationalism , 1896-1941. *Journal of Southeast Asia History*, 1(1), 1–28.
- Ramlah Adam. (1998). *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. (2004). *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938-1965)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raymond, L. (1988). Patterns of Religious Tension in Malaysia. *Asian Survey*, 28(4), 400–

418.

- Rizal Yaakop. (2011). "Malaysian Malaysia" versus keabsahan Ketuanan Melayu dan Negara Islam. *Jurnal Melayu*, 6, 121–136.
- Roff, W. R. (2005). *Nasionalisme Melayu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Rousseau, D. L. & Garcia-Retamero, R. (2007). Identity, power, and threat perception. *Journal of Conflict Resolution*, 51(5), 744–771.
<https://doi.org/10.1177/0022002707304813>
- Rustam A. Sani. (2004). *Ke mana Nasionalisme Melayu?* R Publishing Services.
- Rustam A. Sani. (2011). *Asal-usul sosial golongan kiri Melayu: Satu analisis berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. SIRD.
- Shaharuddin Maaruf. (2014). *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu*. SIRD.
- Shamsul, A. B. (1996). Nations-of-Intent in Malaysia. *Asian Forms of the Nation*, 323–347.
- Shamsul, A. B. (1997). The economic dimension of Malay nationalism. *The Developing Economies*, 35(3), 240–261.
- Sia, K. Y. (2005). *SRJK (Cina) dalam sistem pendidikan kebangsaan: Dilema dan kontroversi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Syed Husin Ali. (2004). *Merdeka rakyat dan keadilan: Kumpulan artikel mengkritik dasar-dasar UMNO-BN dan mengemukakan asas-asas politik menuju Malaysia baru*. SIRD.
- Tashny, S. (2018, November 23). Malaysia's Mahathir dumps pledge to ratify UN treaty on racial discrimination amid domestic backlash. *This Week in Asia*.
<https://www.scmp.com/week-asia/politics/article/2174750/malaysias-mahathir-dumps-pledge-ratify-un-treaty-racial>
- Thio, E. (1969). *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*. University of Malaya Press.
- Thock, K. P. (2015). *Ketuanan politik Melayu: Pandangan kaum Cina*. Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Norhasniah Wan Husin. (2015). *Peradaban dan perkauman di Malaysia: Hubungan etnik Melayu-Cina*. Penerbit Universiti Malaya.
- Y. Mansoor Merican. (1977). Malay nationalism and the Islamic party of Malaysia. *Islamic Studies*, 16(1), 291–301.